



26 Ogos 2014
26 August 2014
P.U. (A) 244

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN JADUAL KEDUA DAN JADUAL KELIMA) 2014

JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE AND FIFTH SCHEDULE) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SARAAN HAKIM 1971

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM
(PINDAAN JADUAL KEDUA DAN JADUAL KELIMA) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971 [Akta 45], Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Jadual Kelima) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013.

Pindaan Jadual Kedua

2. Akta Saraan Hakim 1971, yang disebut “Akta ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam Jadual Kedua dengan memasukkan selepas perenggan 13 perenggan yang berikut:

“13A. KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN SEMASA BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN:

Seseorang Hakim layak menerima kemudahan perlindungan insurans kesihatan semasa berada di luar negara atas urusan persendirian mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan, yang diberikan kepada seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.”.

Pindaan Jadual Kelima

3. Jadual Kelima kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan 5, dengan memasukkan selepas perkataan “13,” perkataan “13A,”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan 6 perenggan yang berikut:

“7. BAYARAN SEBAGAI GANTI CUTI:

Seseorang Pesuruhjaya Kehakiman yang telah tamat tempoh pelantikannya tetapi tidak dapat mengambil cuti rehat tahunannya disebabkan oleh desakan perkhidmatan, layak diberikan bayaran wang tunai sebagai ganti cuti rehat bersamaan dengan satu pertiga puluh daripada gaji bulanan yang akhir diterimanya bagi setiap hari tertakluk kepada syarat seperti yang berikut:

- (a) maksimum cuti rehat yang dibenarkan bagi maksud pemberian wang tunai adalah sebanyak lapan hari atau satu per empat daripada kadar cuti rehat setahun, mengikut mana yang lebih rendah, dan jika bilangan hari tersebut melibatkan angka perpuluhan, pengiraan hendaklah dibundarkan kepada angka bulat yang terhampir;
- (b) maksimum cuti rehat yang dibenarkan bagi maksud pemberian wang tunai bagi sepanjang tempoh pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman adalah sebanyak tiga puluh lima hari;
- (c) hanya Pesuruhjaya Kehakiman yang telah tamat tempoh pelantikannya dan tidak dilantik sebagai Hakim layak diberikan bayaran tunai sebagai gantian cuti rehat yang tidak dapat diambil;